

Surat khabar: Berita Harian

Hari/Tarikh: 20/11/2012

Muka surat: 4

Tajuk : ' Tingkat Budaya Kreatif , Inovatif'

'Tingkat budaya kreatif, inovatif'

Kota Samarahan: Semua institusi pengajian tinggi disaran memainkan peranan signifikan bagi mendukung wawasan negara terutama usaha meningkatkan budaya kreatif dan inovatif.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata setiap badan kerajaan perlu menjadikan budaya kreatif dan inovatif bagi melonjak produktiviti ke tahap paling tinggi.

Menamakan beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun Saifuddin berkata, universiti

di negara itu memainkan peranan aktif, bukan setakat melahirkan warga kerja kompeten, malah menyumbang kepada ekonomi negara menerusi jalinan kerjasama dengan industri dan mengkomersilkan produk penyelidikan.

Geran penyelidikan

"Universiti di negara maju tidak banyak bergantung kepada geran penyelidikan kerajaan. Mereka menjana geran penyelidikan melalui kerjasama dengan pihak swasta," katanya berucap melancarkan

buku UNIMAS Strategy 2015 di Rumah Universiti, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UNIMAS, Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid.

Saifuddin berkata, pelan strategik yang dihasilkan Naib Canselor dan pihak pengurusan utama UNIMAS bertujuan melakar hala tuju dan sasaran pencapaian untuk Fasa Kedua Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

Katanya, menerusi pelan dilancarkan itu warga UNIMAS perlu mengubah persepsi

untuk menjadi lebih baik dengan penekanan diberikan terhadap kesatuan pasukan pelaksana.

"Ahli akademik perlu berusaha menghasilkan kertas kajian setiap tahun, setiap proses berkaitan UNIMAS diselesaikan segera malah kos operasi setiap aktiviti perlu dipastikan membawa impak menguntungkan kepada universiti," katanya.

Sementara itu, Khairuddin berkata, walaupun buku itu baru dilancarkan, pelaksanaan semua pelan itu sudah lama dimulakan.